

'Impragma' produksi pelajar UMS temui penonton di Dewan Resital

Oleh HENRY BATING

PRODUKSI C.O.D.E 11 yang terdiri daripada 11 pelajar tahun akhir Seni Kreatif Kluster Penulisan dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil buat julung kali dengan filem sulung "IMPRAGMA".

Filem pendek Impragma arahan Azizul Ibrahim yang juga pengarah C.O.D.E 11 Production merupakan sebuah filem aksi dan ngeri yang berdurasi tidak lebih 25 minit ditayangkan pada 18, 19, dan 20 Disember 2015 di Dewan Resital UMS.

"Impragma merupakan gabungan akronim dua patah perkataan iaitu IMPAK dan PRAGMA

yang bermaksud kesan terhadap sesuatu tindakan. Filem pendek ini mengisahkan tentang hubungan tiga orang sahabat yang dicalar oleh pengkhianatan bangkit dengan agenda tersendiri bagi membongkar kebenaran yang terselindung di sebalik permainan palsu," kata Azizul.

Menurut Azizul lagi harga diri dan kehormatan menjadi taruhan, nilai persahabatan digadai demi sebuah matlamat!

"Inilah sebahagian dari perjalanan cerita yang menghiasi filem aksi, Impragma yang pasti memamah pandangan mata," katanya lagi.

Filem ini dibarisi oleh tiga pelakon utama yang terdiri dari pelajar tahun dua dan tiga Seni Kreatif iaitu Mukmin Nantang sebagai

(Irfan), Nashrik (Rozaimi) dan Azizul Ibrahim sebagai (Faizol) dengan dibantu oleh empat pelakon berbakat lain seperti Amirul Izwan, Wan Mahussin, Syafie dan Azura.

Perjalanan sepanjang penggambaran berlangsung memiliki cabaran tersendiri seperti kekurangan barang peralatan teknikal dan kekangan masa antara pelakon dan krew disebabkan jadual kuliah yang berbeza.

"Namun semua itu dapat diatasi dengan kerjasama baik oleh semua ahli produksi," kata Hafizah Jizin selaku salah seorang krew dari C.O.D.E 11 production.

Hafizah menambah, objektif filem itu dihasilkan adalah bagi memenuhi empat kursus iaitu subjek Penerbitan Media,

Pemasaran Karya, Web Interaktif dan Produksi Audio Video Digital yang digabungkan menjadi satu projek akhir.


"Selain itu, produksi ini juga memberi pendedahan kepada pelajar tentang bidang penerbitan filem dengan lebih terperinci agar dapat menghasilkan sebuah filem yang boleh dipasarkan pada masa akan datang," katanya lagi.

Diharapkan melalui kursus itu akan dapat mewarnai corak industri filem negara di masa akan datang dan setanding dengan filem-filem keluaran antarabangsa dengan penjenamaan mutu yang lebih berkualiti selaras dengan fungsi didaktik sebuah filem selain tujuan untuk hiburan.

Justeru sekali lagi produksi C.O.D.E

11 menjemput orang ramai untuk sama-sama memeriahkan dan menyaksikan Filem Pendek Impragma yang pasti menjanjikan kepuasan pada tarikh-tarikh dan tempat yang disebutkan.

Harga tiket boleh didapati melalui kaunter tiket yang akan dibuka pada hari penayangan filem dan melalui krew C.O.D.E 11 Production atau melalui laman Facebook dan Instagram dengan capaian "C.O.D.E 11 Production".



BABAKugutan dalam filem berkenaan.



KREWproduksi merangkumi empat kursus.